

LGMS perkenal penyelesaian siber untuk PKS

Oleh **BERNAMA** - Februari 12, 2024 @ 1:07pm



Pengerusi Eksekutif LGMS, Fong Choong Fook.

KUALA LUMPUR: Firma pakar runding keselamatan siber, LGMS Bhd memperkenalkan penyelesaian berasaskan langganan yang menyasarkan perusahaan kecil dan sederhana (PKS) sebagai model perolehan baharu kepada syarikat.

Pengerusi Eksekutif LGMS, Fong Choong Fook, berkata pelancaran penyelesaian StarSentry itu adalah pada suku kedua 2024.

"Penyelesaian inovatif ini direka untuk membolehkan PKS meningkatkan langkah keselamatan siber dengan mudah dan berkesan.

"Dengan reka bentuk pasang dan pakai, StarSentry diintegrasikan dengan lancar ke rangkaian pengguna, menganalisis secara automatik semua peranti yang disambungkan untuk mengesan kerentanan. Pendekatan proaktif ini dijangka dapat

meningkatkan piawaian keselamatan siber PKS dengan ketara," katanya dalam satu kenyataan.

Platform buatan Malaysia ini menerima pengiktirafan, dinobatkan sebagai 'Inovasi Produk Keselamatan Siber Terbaik Tahunan; di Anugerah Keselamatan Siber Malaysia 2023.

LGMS, yang disenaraikan di Pasaran ACE Bursa Malaysia berkata, ia melaksanakan transformasi untuk memanfaatkan model perniagaan berpusatkan platform selain meneruskan pendekatan berasaskan perkhidmatan tradisionalnya.

"Perolehan utama kumpulan lazimnya adalah berasaskan perkhidmatan, dengan pencegahan risiko siber yang menyumbang kira-kira satu perempat daripada perolehan keseluruhan, diikuti oleh pengurusan risiko siber dan pematuhan bersama terhadap ancaman siber dan tindak balas insiden.

"Menerusi model langganan yang disediakan ini, LGMS bersedia untuk merealisasikan aliran perolehan yang konsisten, tawaran perkhidmatan berskala dan potensi kepada penglibatan dan sokongan pelanggan baharu," kata Choong Fook.

Sejajar dengan pelancaran StarSentry, syarikat berada di peringkat lanjutan untuk membangunkan bot kecerdasan buatan (AI) terkini, satu langkah yang bersedia untuk merevolusikan keselamatan siber menerusi automasi.

"Bot AI kami kelak merupakan pengubah keadaan, direka untuk meningkatkan usaha keselamatan siber dengan kecekapan yang tiada tandingan. Ia menawarkan kemampuan untuk mengesan ancaman yang dipertingkat, membolehkan respons masa nyata terhadap insiden keselamatan," katanya.

Menurut Choong Fook, langkah ini mengurangkan keperluan kepada intervensi manual sekali gus memperkemas operasi dan memastikan kewaspadaan yang berterusan.

"Dengan mengintegrasikan AI lanjutan, kami bukan sahaja menangani cabaran keselamatan semasa, malah mengekalkan kesinambungan masa hadapan penyelesaian keselamatan siber demi kebaikan pelanggan yang lebih meluas," katanya.

Sementara itu, Naib Presiden Kanan Perbadanan Ekonomi Digital Malaysia (MDEC), Gopi Ganesalingam, berkata teras LGMS terhadap model perniagaan berasaskan langganan dan berpusatkan platform, yang diterajui oleh inovasi seperti StarSentry dan bot AI kelak, meletakkan syarikat itu di barisan hadapan penyelesaian keselamatan siber di Malaysia.

"Transformasi strategik ini bukan sahaja berupaya mempertingkatkan keselamatan PKS, malah membuka aliran perolehan baharu kepada LGMS, menandakan lembaran baharu dalam trajektori pertumbuhannya," katanya.

LGMS merupakan sebahagian daripada inisiatif GAIN (Gateway, Amplification, Investor, Nurture) di bawah MDEC.

GAIN diwujudkan untuk mendorong kehadiran syarikat Malaysia di arena global, bermula dengan rantau ASEAN.

Ditubuhkan pada 2015, inisiatif ini telah membabitkan lebih 400 usahawan di seluruh negara di samping menggalakkan syarikat pemula niaga asing untuk berhijrah ke Malaysia.

-BERNAMA